

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING  
(STAMPIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.03.2018**

**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan dalam mengatasi operasi penipuan ataupun "scam" yang melibatkan pengambilan deposit secara haram. Senaraikan dari tahun 2010 sehingga terkini, jumlah kerugian yang dialami oleh pelabur. Senaraikan syarikat yang terlibat dan jumlah pelabur yang menjadi mangsa mengikut negeri-negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha membanteras operasi penipuan kewangan atau skim kewangan

haram, pelbagai langkah pencegahan telah diambil oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang berkenaan, seperti berikut :

i) Mengukuhkan kerjasama antara agensi penguatkuasaan melalui penubuhan *Sub-Committee on Offences related to Financial Fraud (SCOFF)* di bawah Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*National Coordination Committee to Counter Money Laundering (NCC)*). Tujuan penubuhan SCOFF ini adalah seperti berikut :

- Perkongsian maklumat dan penyiasatan aktiviti jenayah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang lebih pantas dan berkesan;
- Operasi serbuan bersama yang melibatkan semua agensi penguatkuasa di bawah undang-undang seliaan masing-masing dipergiatkan. Sejak bulan Mei 2017, sebanyak enam operasi serbuan bersama telah dijalankan ke atas skim kewangan haram yang diselaraskan oleh Jabatan Peguam Negara dan disertai oleh lapan agensi penguatkuasaan. Melalui operasi-operasi berkenaan, 16 kertas siasatan telah dibuka oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan, termasuklah ke atas siasatan kesalahan pengubahan wang haram;

- Tindakan diambil ke atas mana-mana pihak yang terlibat dalam skim kewangan haram, termasuk terhadap penganjur dan pelabur.

ii) Mempertingkatkan kempen kesedaran kepada orang ramai yang meliputi pengumuman di media massa (akhbar-akhbar tempatan, siaran televisyen dan radio) dan program kesedaran dan pendidikan pengguna pada peringkat nasional (seperti Hari Pengguna, Karnival Kewangan, Hari Koperasi Malaysia, Minggu Kesedaran Kewangan (M2K) dan Minggu Saham Amanah Malaysia) yang dijalankan setiap tahun;

iii) Memperluas saluran untuk orang ramai membuat aduan mengenai aktiviti haram syarikat MLM (*Multi-Level Marketing*), skim cepat kaya, pelaburan emas dan pertukaran mata wang asing melalui Laman Informasi Nasihat & Khidmat (LINK) dan TELELINK oleh Bank Negara Malaysia (BNM), *SC Investor Alerts* oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Sistem E-Aduan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM); dan

iv) Menyeneraikan nama-nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram di laman sesawang BNM, SC dan KPDNKK. Setakat ini, sebanyak 409 syarikat dan laman sesawang telah disenaraikan di bawah Senarai Peringatan kepada Pengguna Kewangan (SPPK) atau *Financial Consumer Alert* di laman sesawang BNM.

Selain itu, institusi-institusi kewangan turut mengambil tindakan untuk mengesan akaun-akaun yang disalahguna oleh mana-mana individu atau syarikat untuk tujuan skim kewangan haram berdasarkan senarai di laman sesawang BNM. Sehingga ini sebanyak 969 akaun yang disyaki terlibat dengan kegiatan skim kewangan haram telah ditutup oleh institusi-institusi kewangan.

Dari tahun 2010 sehingga kini, tindakan penguatkuasaan terus dipertingkatkan terhadap syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan skim kewangan haram termasuklah melalui kerjasama antara agensi yang dikelolakan oleh Jabatan Peguam Negara, yang mana sejumlah aset melebihi RM485 juta telah dibekukan untuk tujuan siasatan. BNM turut mengeluarkan status-status penyiasatan yang telah dijalankan ke atas syarikat-syarikat yang terlibat dalam skim kewangan haram melalui laman sesawang mikronya iaitu

*'Financial Fraud Alert'.*

Sementara itu, pada 21 Februari 2018, empat orang bekas pengarah syarikat pelaburan emas Geneva Sdn. Bhd telah dijatuhi hukuman penjara selama lapan tahun dan didenda sebanyak RM1 juta setiap seorang oleh Mahkamah Rayuan selepas didapati bersalah untuk 154 pertuduhan melakukan pengubahan wang haram dan 4 pertuduhan menerima deposit tanpa lesen yang melibatkan urus niaga bernilai lebih RM200 juta. Menurut Mahkamah Rayuan, hukuman yang keras adalah perlu kerana ia merupakan kesalahan yang serius dan juga melibatkan jumlah wang yang besar. Semua maklumat mengenai tindakan penguatkuasaan telah dikemaskini di laman sesawang BNM.